
Pendigitalan Dalam Kalangan Guru Prasekolah di Kuantan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Mohd Nizam Naqiyuddin bin Ahmad Sobri¹, Nur Farah Ain binti Che Soh², Muhammad Hilmi bin Rashid³

Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology Kampus Pahang
Email: nizam@tarc.edu.my

Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology Kampus Pahang
farah@tarc.edu.my

Fakulti Pendidikan dan Kemanusiaan
Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology Kampus Pahang
hilmi@tarc.edu.my

Abstract:

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek pendigitalan dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kuantan Pahang. Secara khususnya komponen penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan diberi tumpuan dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah soal selidik yang melibatkan seramai 30 responden yang terdiri daripada guru prasekolah di sekitar Kuantan Pahang. Instrumen yang diguna pakai dalam kajian ini meliputi tiga bahagian soalan yang berbentuk objektif yang telah dinyatakan. Data yang diperolehi telah proses analisis yang kemudian akan dibentangkan dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menerangkan tentang analisis penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah secara deskriptif. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa guru prasekolah memainkan peranan yang besar dalam penggunaan media digital semasa proses pengajaran dan pembelajaran yang membantu perkembangan kanak-kanak melalui pengajaran yang lebih berkesan.

Keywords:

Prasekolah, proses pengajaran dan pembelajaran, pendigitalan, media digital, gajet, pengaruh, bahan bantu mengajar, kondusif

1.0 Pengenalan

Pendidikan merupakan aspek penting bagi pembangunan sesebuah negara yang bermula dari pendidikan awal kanak-kanak hingga ke peringkat pengajian tinggi (Siti Soraya Lin Abdullah Kamal, Abdul Halim Masnan & Nor Hashimah Hashim, 2022). Dalam aspek pendidikan, elemen yang penting adalah kaedah penyampaian maklumat yang cekap bagi memastikan kualitinya yang terbaik. Oleh itu, menerusi pelbagai kaedah dan strategi yang dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan alat bantu mengajar (ABM). Hal ini kerana ABM berperanan untuk mempengaruhi proses pengajaran disamping bertujuan mengekalkan minat dan motivasi pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Mohd Khairulnizam Ramlie, Ashraf bin Abdul Rahaman, Ahmad Khairul Azizi Bin Ahmad dan Muhammad Abdullah, 2023).

Pada masa ini, pendigitalan dalam pendidikan bukanlah sesuatu yang asing. Konsep pendigitalan dalam pendidikan ini merupakan salah satu daripada transformasi sistem pendidikan di Malaysia yang bertujuan untuk mewujudkan warga pendidik serta murid yang kreatif, inovatif, cekap dan bersemangat sejajar dengan keperluan zaman dan seiring juga dengan kehendak Revolusi Industri 4.0 (Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias, Zamri Mahamod, 2023). Pelaksanaan Dasar Pendidikan Digital adalah satu usaha kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, PPPM (2013-2025) pada anjakan ketujuh bagi memperkasakan ekonomi digital dan seterusnya melahirkan generasi yang celik digital seiring dengan tuntutan semasa (Nur Aisyah Kamaluddin dan Hazrati Husnin, 2022).

Perkembangan teknologi yang semakin pesat telah membawa kepada perubahan yang ketara dalam perkembangan dunia digital, media dan telekomunikasi termasuk juga sistem pendidikan (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023). Perkembangan ini juga turut memerlukan usaha yang konsisten untuk bergerak sejajar dengan tuntutan semasa agar kemajuan negara dapat dijamin (Sugunah Supermane, 2022) dan (Nurul Azwani, Mohd Idriki, & Tan Bee Piang, (2022). Secara umumnya, media digital merupakan sebuah alat peranti dalam pelbagai bentuk termasuklah tablet dan telefon pintar yang merupakan sebahagian daripada peranti gadget yang digunakan oleh manusia untuk kehidupan seharian. Penggunaan media digital ini dilihat turut mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak sama ada di rumah atau di sekolah (Shamilatul Sufia binti Abdullah dan A'dawiyah binti Ismail, 2022).

1.2 Latar belakang Kajian

Pada masa kini, penggunaan media digital semenangnya menjadi pilihan utama masyarakat dunia, tidak terlepas golongan kanak-kanak yang telah didedahkan dengan media teknologi pada awal usia mereka lagi menjadikan mereka lebih cenderung ke arah pendigitalan termasuk dari aspek pendidikan. Bagi guru-guru sekolah, media digital ini amat penting dan sangat berguna pada masa kini kerana kanak-kanak di lihat telah lebih kehadapan dalam soal teknologi berbanding daripada guru-guru. Tidak dinafikan ibu bapa sering mendedahkan anak-anak mereka dengan gajet untuk tujuan dan alasan tertentu (Shamilatul Sufia binti Abdullah dan A'dawiyah binti Ismail, 2022), maka peranan dan sikap guru-guru prasekolah perlulah lebih seiring dengan perubahan yang berlaku pada dunia serba moden ini. Guru-guru prasekolah perlu mengambil inisiatif dan usaha sendiri untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam aspek penggunaan media digital agar tidak ketinggalan dan seterusnya menjadikan media digital sebagai salah satu kelebihan dan kebaikan dalam proses pengajaran mereka di dalam kelas.

Menurut Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue (2023) perkataan multimedia ini berasal daripada gabungan 'multi' yang bermaksud banyak manakala media pula bererti alat yang digunakan untuk menyampaikan maklumat. Secara rumusnya, perkataan multimedia merujuk kepada gabungan beberapa bahan media yang digunakan untuk tujuan tertentu. Dalam konteks pendidikan, penggunaan elemen media digital adalah merujuk kepada sebarang bentuk kaedah yang menggunakan elemen seperti teks, gambar, bunyi, animasi, videodan sebagainya kemudian digunakan pakai dalam pendidikan atau lebih tepat lagi semasa proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan itu, guru-guru prasekolah perlu memanfaatkan penggunaan teknologi dengan menjadikan media digital sebagai salah satu bahan bantu mengajar yang dapat digunakan bagi menarik minat dan tumpuan kanak-kanak pada zaman kini. Tambahan lagi, penggunaan media digital dalam pengajaran dan pembelajaran mampu merubah persekitaran pembelajaran kepada suasana yang mempunyai nilai eksentrik yang positif disamping itu ianya juga dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan efektif (Nur Aisyah Kamaluddin dan Hazrati Husnin, 2022).

Melihat kepada perkara ini, peranan guru menjadi antara komponen utama yang harus dibincangkan memandangkan ianya akan memberi impak kepada proses pembelajaran, perkembangan kanak-kanak dan sistem pendidikan awal kanak-kanak di negara malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi fokus kepada penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah di daerah kuantan pahang. Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa objektif telah dirangka bagi kajian ini:

1. Menenalpasti tahap penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah
2. Menenalpasti kelebihan penggunaan media digital dalam kalangan guru di prasekolah
3. Mengkaji kesan penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah

2.0 Kajian literatur

Dalam era teknologi komunikasi dan maklumat (TMK), teknologi memainkan peranan dan impak yang sangat besar dalam kehidupan. Pelbagai impak daripada kehadiran media sosial ini mula mewujudkan satu suasana yang baharu terutamanya dalam konteks perhubungan antara masyarakat. Bukan sekadar itu, penggunaan media digital dalam pendidikan juga turut mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dimana guru-guru akan menerapkan konsep pendigitalan dan menjadikan teknologi sebagai bahan bantu mengajar(BBM) mampu mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran guru-guru prasekolah Fatin Imanina Abd. Rahman dan Anuar Ahmad, (2024). Perkara ini sering dibincang dan dibahaskan di pelbagai peringkat sama ada dalam atau luar negara. Sememangnya kehadiran teknologi telah menjadi medium saluran yang penting bagi penyebaran maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran Siti Hajar Halili dan Suguneswary 2016 manakala guru-guru merupakan kunci kejayaan kepada aplikasi teknologi media digital dan multimedia tersebut.

Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue (2023) berpendapat bahawa pendigitalan dalam pendidikan merupakan salah satu alternatif yang baik dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Ini kerana generasi pada masa kini terutamanya kanak-kanak sudah terdedah dengan peranti mudah alih, mereka lebih gembira dan berminat kepada peranti ICT yang lebih

interaktif serta menarik. Oleh yang demikian, pendigitalan dalam sememangnya dituntut dalam pendidikan pada masa kini yang lebih terarah kepada pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) Norazly Nordin dan Juppri Bacotang, 2021).

Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21 yang menjadi agenda utama pendidikan di malaysia memerlukan strategi yang baru untuk menyediakan dan membekalkan pelajar-pelajar dengan pengalaman pembelajaran yang mendalam dan bermakna (Christina Andin dan Rosmiza M.Z,2023). Ini kerana, pengajaran PAK-21 lebih berpusatkan kepada murid sementara guru hanya berperanan sebagai fasilitator semasa proses pengajaran berlansung. Ini turut disokong oleh Siti Faiqah Mohd Salleh dan Mohd Asri Harun, (2022) yang menegaskan bahawa kemahiran PAK-21 menjadi keperluan yang penting kerana tuntutan semasa dunia yang semakin maju dalam era digital. Oleh itu, Pelaksanaan Kemahiran PAK-21 dilihat sesuai dan tepat pada masanya agar generasi baharu yang dilahirkan lebih bersedia untuk berhadapan dengan sebarang kemungkinan yang timbul dalam warga industri, ekonomi global, perubahan pesat teknologi, (Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, 2023).

2.1 Pendigitalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Menurut Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, (2023) pengajaran dan pembelajaran yang berunsur digital teknologi adalah transisi penyampaian pengajaran berbentuk konvensional kepada yang lebih baru dan sesuai dengan konteks pengajaran dan pembelajaran berasaskan pelajar. Dengan harapan ia akan memberi manfaat kepada pelajar untuk mendalami ilmu pengetahuan dan kemahiran kerana mereka dapat membuat pencarian ilmu tersebut daripada pelbagai sumber. Dalam masa yang sama, ia memberi peluang kepada guru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran supaya menjadi lebih menarik dan jelas dan bukan hanya bergantung kepada kaedah tradisional yang semata-mata berpandukan buku teks (Nur Hafizah M Razali & Amir Hamzah Ya'akub, 2022).

Keupayaan dan kemahiran guru dalam melaksanakan proses pengajaran dengan menggunakan pendekatan yang dianggap sesuai dapat menentukan keberkesanan pengajaran (Wong & Nurfaradilla Mohamad Nasri, 2021) .Lantas, guru yang berkualiti perlu mempunyai kemahiran, ilmu pengetahuan serta latihan sebagai persediaan untuk membekalkan guru dengan asas yang kukuh serta kualiti baik (Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod, 2021). Keberkesanan pengajaran yang diamalkan oleh guru akan meningkatkan pencapaian murid-murid seterusnya proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dengan idea-idea yang kreatif dan inovatif (Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, 2023). Selain itu, guru juga perlu mempersiapkan diri dengan kemahiran yang luas tentang teknologi seperti pencarian bahan pengajaran dalam internet, bijak mengaitkan sesuatu tajuk dengan isu semasa dan sebagainya (Manibarathi Nagaretna & Muhammad Sofwan Mahmud, 2022).

Tambahan lagi, penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu guru untuk meningkatkan prestasi pelajar kerana guru lebih mudah untuk memberi gambaran secara visual dan jelas kepada pelajar-pelajar tentang sesuatu topik yang dianggap sukar, selain dapat membuat pencarian maklumat dengan lebih cepat dan mudah. Perkara ini jelas dapat mengatasi pelajar yang lemah kerana setiap pelajar semestinya berbeza dan ada segelintir yang lebih tertarik dengan visual grafik berbanding perkataan-perkataan panjang. Peranan guru sangat penting dalam hal ini untuk menjadi perangsang kepada minat murid dan

memanfaatkan BBM yang berunsur teknologi sesuai dengan peredaran zaman (Siti Aisyah Mazalan dan Mohd Fadzi Baharudin, 2022).

Guru yang berkualiti akan sentiasa mencari dan aplikasikan pendekatan baru yang dianggap sesuai dan terbaik bagi memotivasikan pelajar dan merangsang pencarian maklumat yang diperlukan. Di samping itu juga, pendigitalan dalam pembelajaran adalah satu bentuk komunikasi yang dibina bagi memberikan kelangsungan interaksi dalam kalangan komuniti maya. Penggunaan elemen pendigitalan berasaskan pembelajaran multimedia dalam talian dengan bantuan aplikasi tertentu yang fleksibel untuk para pelajar dan guru dilihat mampu memenuhi strategi pengajaran dan pembelajaran yang lebih bervariasi dan boleh menggantikan bahan ilmiah seperti buku dan lain-lain (Nur Faizahon Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, 2023).

2.2 Cabaran dalam penggunaan media teknologi

Dalam usaha merencanakan penggunaan teknologi dalam pendidikan terdapat beberapa jurang yang dikenalpasti merencanakan pembangunan pendigitalan dalam pendidikan di Malaysia antaranya yang berkaitan dengan faktor pengetahuan, fizikal, ekonomi dan sosial (Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias & Zamri Mahamod, 2023). Ini disokong oleh Fatin Imanina Abd. Rahman dan Anuar Ahmad, (2024) menegaskan penggunaan teknologi digital dalam bidang pendidikan adalah antara strategi pengajaran dilihat mampu menarik minat pelajar (Charles dan Ling, 2020) namun demikian kemahiran dan persediaan yang jitu sangat diperlukan bagi memastikan setiap aspek dan isi pengajaran yang ingin disampaikan dapat diterjemahkan dengan baik dan berkesan.

Disamping itu, Siti Hajar Halili dan Suguneswary (2016) menyatakan antara faktor yang perlu diambil kira adalah tahap penerimaan guru terhadap pendigitalan dalam pendidikan, ini kerana beberapa dapatan kajian menunjukkan persepsi dan sikap guru antara perkara penting kerana para guru ialah individu yang akan menterjemahkan elemen pendigitalan ini di lapangan atau semasa pengajaran. Kajian lain yang dilakukan juga turut menunjukkan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran masih lagi tidak meluas di sesetengah kawasan terpencil disebabkan oleh beberapa faktor antaranya tahap kesediaan murid yang rendah terhadap pendidikan digital, kekurangan kemudahan infrastruktur, kurangnya kemahiran guru dalam menggunakan aplikasi dalam komputer serta kesukaran untuk mengakses internet (Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias, & Zamri Mahamod, 2023).

Pembelajaran secara digital bertujuan untuk menggalakkan penglibatan murid secara aktif, namun jika berlaku sebaliknya ianya akan mempengaruhi keberkesanan proses pengajaran yang akhirnya menjejaskan usaha untuk melahirkan generasi yang celik digital (Aminamul Saidah Mad Nordin, Bity Salwana Alias, & Zamri Mahamod, 2023). Oleh yang demikian, cabaran dalam mengaplikasikan media digital ini di dalam satu kelas perlu diambil kira sebagai cabaran bagi memastikan sistem pembelajaran yang baik kepada pelajar. Terdapat banyak cabaran berlaku dalam melaksanakan pembelajaran media digital ini terutamanya terdapat sekolah yang jauh di pedalaman yang di mana sistem rangkaian komunikasi yang sukar diperolehi. Ini disokong oleh Fatin Imanina Abd. Rahman dan Anuar Ahmad (2024) cabaran yang dihadapi mampu menjejaskan dan mengganggu proses pengajaran sekiranya tidak di atasi dengan segera.

Selain itu permasalahan dalam penggunaan media digital dalam kalangan guru ialah media digital ini tidak terbatasi dalam penggunaannya. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak apabila tiada batasan dalam media digital, kanak-kanak mudah terdedah dengan bahan atau media yang tidak sesuai dengan umur mereka maka guru perlulah mengawal perkara ini sejak awal lagi. Penggunaan gajet secara berlebihan akan membawa kepada ketagihan gajet yang mampu memberi impak yang serius kepada masyarakat dan negara. Hal ini turut disuarakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohammad yang berpandangan bahawa penggunaan gajet tanpa kawalan dalam kehidupan akan membawa banyak masalah kepada aspek pembentukan sosio budaya, nilai dan akhlak dalam sebuah masyarakat (Shahirah binti Rafee dan Nurhikmah binti Mubarak Ali, 2022).

3.0 Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan brang soal selidik yang dirangka untuk mengetahui tahap penggunaan teknologi digital guru prasekolah di kuantan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.2 Populasi dan Instrumen Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah seramai 105 orang guru prasekolah di Kuantan Pahang yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza pengalamana mengajar, tempat mengajar dan sebagainya. Soalan kaji selidik yang diedarkan kepada responden yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam kajian ini. Soalan kaji selidik ini merangkumi beberapa bahagian yang merangkumi latar belakang responden seperti tempat tinggal, sektor pekerjaan dan anggaran pendapatan. Seterusnya diikuti dengan beberapa soalan untuk melihat komponen penggunaan media digital dalam kalangan guru prasekolah. Data yang diperolehi hasil daripada soalan kaji selidik kemudiannya akan dimasukkan ke dalam perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26 untuk dianalisis mendapatkan nilai kekerapan dan peratusnya dan kemudian dibentang dalam bab seterusnya.

4.0 Dapatan dan Perbincangan

Jadual 1. Maklumat Demografi

Demografi Responden	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	22	20.95%
	Perempuan	78	74.28%
Umur	20-25	27	25.71%
	26-30	39	37.14%
	31-35	19	18.05%
	36-40	20	19.04%
Kaum	Melayu	81	77.14%
	India	21	20.00%
	Cina	3	2.85%
Pengalaman mengajar	1-3 tahun	65	61.90%
	3-6 tahun	11	10.47%
	7-10 tahun	29	27.61%
	11 tahun ke atas	0	0.00%
Tempat mengajar	Bandar	88	83.80%
	Luar Bandar	17	16.19%
	Kampung	0	0.00%
	Pedalaman	0	0.00%

Jadual 1 menunjukkan bahawa 74.28 % atau seramai 78 orang responden terdiri daripada perempuan sementara 20.95% atau 22 orang adalah terdiri daripada lelaki. Daripada dapatan ini, menunjukkan bilangan wanita sebagai guru adalah melebihi lelaki. Hal ini kerana jumlah responden sememangnya tidak seimbang antara jantina, maka adalah sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina. Namun, perbezaan jantina tidak dikaji dalam kajian ini. Dari segi umur responden terdiri daripada 20 hingga 40 yang dapat dikaitkan dengan pengalaman mereka sebagai guru yang bekerja di lapangan. Berdasarkan jadual jelas menunjukkan purata umur adalah agak seimbang dan purata pengalaman guru lebih cenderung kepada mereka yang mempunyai pengalaman mengajar selama 1-3 tahun iaitu sebanyak 65 atau 61.90% yang bekerja di kawasan banda

Jadual 2 Tahap penggunaan media digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran

2.1 Saya gemar menggunakan media digital proses pengajaran dan pembelajaran

Saya gemar menggunakan media digital proses pengajaran dan pembelajaran			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Tidak setuju	4	3.80%	3.80%
Setuju	19	18.09%	18.09%
Sangat setuju	82	78.09%	78.09%
Jumlah	105	100%	100%

Bagi komponen penggunaan digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran ianya telah berada pada tahap peratusan yang tinggi pada bahagian golongan yang sangatsetuju iaitu sebanyak (78.09%). Kemudian, ianya diikuti dengan tahap sederhana iaitu pada bahagian golongan yang setuju iaitu sebanyak (18.09%) dan ia diakhiri dengan peratusan sedikit pada bahagian golongan yang tidak setuju iaitu sebanyak (3.80 %). Pada bahagian pernyataan ini, tiada golongan yang memberi maklum balas terhadap bahagian sangat tidak setuju dan itu jelas telah menunjukkan bahawa majoriti guru prasekolah suka menggunakan media digital dalam pengajaran.

2.2 Saya percaya bahawa media digital dapat membatu saya dalam mengajar kanak-kanak prasekolah

Saya percaya bahawa media digital dapat membatu saya dalam mengajar kanak-kanak prasekolah			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	3	2.86%	2.86%
Tidak setuju	6	5.71%	5.71%
Setuju	39	37.14%	37.14%
Sangat setuju	57	54.28%	54.28%
Jumlah	105	100%	100%

Bagi analisa pernyataan yang seterusnya iaitu saya percaya bahawa media digital dapat membantu saya dalam mengajar kanak-kanak prasekolah ianya telah dikuasai dengan peratusan yang tinggi di bahagian golongan yang sangat setuju iaitu sebanyak (54.28%) kemudian, diikuti dengan peratusan yang sederhana tinggi iaitu sebanyak (37.14 %) di bahagian golongan yang mengatakan setuju. Pada peratusan yang seterusnya sederhana golongan yang mengatakan tidak setuju iaitu sebanyak (5.71%) dan akhir sekali pada bahagian golongan sangat tidak setuju iaitu sebanyak (2.86%) merupakan peratusan yang paling rendah pada bahagian ketiga pernyataan ini. Rajah ini jelas menyatakan bahawa golongan guru prasekolah berpendapat bahawa media digital dapat membantu mereka terutamanya terhadap pembelajaran harian kanak-kanak.

2.3 Saya percaya media digital dapat meningkatkan amalan pengajaran saya

Saya percaya media digital dapat meningkatkan amalan pengajaran saya			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	1	0.95%	0.95%
Tidak setuju	2	1.90%	1.90%
Setuju	55	52.39%	52.39%
Sangat setuju	47	44.78%	44.78%
Jumlah	105	100%	100%

Analisa data bagi pernyataan ketiga iaitu Saya percaya media digital dapat meningkatkan amalan pengajaran saya telah jelas menunjukkan media digital sangat membantu proses pengajaran dan pembelajaran seorang guru. Ini dapat dilihat pada peratusan yang tertinggi telah dikuasai dengan golongan yang mengatakan setuju iaitu sebanyak 55 responden (52.39%).

Kemudian, ianya diikuti dengan golongan yang mengatakan sangat setuju iaitu sebanyak 47 orang (52.3%). Hanya minority kecil sahaja yang tidak setuju bahawa manfaat media digital dalam proses pengajaran. Rajah ini jelas menunjukkan bahawa majoriti golongan guru prasekolah setuju dengan pernyataan yang telah diberikan oleh pengkaji

2.4 Saya lebih gemar menggunakan dan mencuba media digital yang lebih interaktif

Saya lebih gemar menggunakan dan mencuba media digital yang lebih interaktif			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	17	16.20%	16.20%
Tidak setuju	29	28.00%	28.00%
Setuju	31	29.52%	29.52%
Sangat setuju	28	27.00%	27.00%
Jumlah	105	100%	100%

Seterusnya dalam aspek penggunaan media digital, guru-guru prasekolah percaya dimana proses pengajaran akan menjadi lebih interaktif apabila menerapkan konsep pendigitalan dalam kelas. Dapatan kajian menunjukkan ia lebih seimbang dimana peratusan yang bersetuju dan tidak bersetuju menunjukkan peratusan yang tidak melebihi 50%. Peratusan yang bersetuju hanya 29.52% manakala yang tidak bersetuju pula 28.00%. Hal ini mungkin disebabkan guru-guru prasekolah lebih cenderung menggunakan media digital yang sudah menjadi kebiasaan dan mereka tidak mengambil inisiatif yang lebih untuk mencuba dan menggunakan aplikasi yang baru yang bukan menjadi kebiasaan.

2.5 Saya percaya media digital dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran

Saya percaya media digital dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju		0.00%	0.00%
Tidak setuju	5	4.76%	4.76%
Setuju	57	54.29%	54.29%
Sangat setuju	43	40.95%	40.95%
Jumlah	105	100%	100%

Bagi analisa dapatan yang seterusnya iaitu saya percaya media digital dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran pula telah jelas menunjukkan guru-guru prasekolah percaya media digital dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran di dalam kelas. Majoriti responden bersetuju dengan kelebihan media digital dalam membantu meningkatkan keberkesanan proses pengajaran. Ini dapat dilihat sebanyak 57 (54.29%) dan 43 (40.95%) lebih cenderung kepada bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala cuma 5 (4.76%) yang tidak bersetuju dan tiada responden yang menjawab sangat tidak bersetuju dengan manfaat penggunaan media digital.

2.6 Saya sering menggunakan media digital sebagai bahan bantu mengajar (BBM)

Saya sering menggunakan media digital sebagai bahan bantu mengajar (BBM)			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	11	10.48%	10.48%
Tidak setuju	41	39.04%	39.04%
Setuju	33	31.42%	31.42%
Sangat setuju	20	19.04%	19.04%
Jumlah	105	100%	100%

Bagi analisa pernyataan yang seterusnya iaitu saya sering menggunakan media digital sebagai bahan bantu mengajar (BBM) ianya telah dikuasai dengan peratusan yang tinggi di bahagian golongan yang tidak setuju iaitu sebanyak (39.04%) kemudian, diikuti dengan peratusan yang kedua tertinggi iaitu sebanyak (31.42 %) di bahagian golongan yang mengatakan setuju. Pada peratusan yang seterusnya 20 responden iaitu 19.04% menyatakan sangat bersetuju namun 11 responden 10.48% sangat tidak bersetuju. Dapatan ini jelas membuktikan berlaku keseimbangan namun tidak terlalu ketara di antara yang bersetuju dan tidak bersetuju. Hal ini mungkin bergantung kepada sikap guru itu tersebut dalam mengambil inisiatif dan memperuntukkan masa untuk menyediakan seterusnya menggunakan media digital sebagai BBM. Namun demikian terdapat juga segelintir guru prasekolah yang masih bergantung pada kaedah lama yang lebih konvensional.

2.7 Saya akan melibatkan diri dengan aktif dengan penggunaan media digital dalam pengajaran

Saya akan melibatkan diri dengan aktif dengan kemahiran penggunaan media digital dalam pengajaran			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	4	3.80%	3.80%
Tidak setuju	9	8.57%	8.57%
Setuju	66	62.86%	62.86%
Sangat setuju	26	24.76%	24.76%
Jumlah	105	100%	100%

Bagi analisa pernyataan yang ketujuh yang merujuk kepada inisiatif guru dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran menggunakan media digital. Majoriti guru-guru prasekolah menunjukkan maklum balas yang baik dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mereka. Hasil dapatan menunjukkan guru-guru prasekolah melibatkan diri mereka dimana majoriti daripada responden bersetuju dan sangat bersetuju iaitu 62.86% dan 24.76% bahawa mereka akan sentiasa melibatkan diri dengan aktif dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam penggunaan media digital dalam proses pengajaran. Manakala kurang daripada 10% responden tidak melibatkan diri mereka dalam usaha tersebut. Peratusan yang jelas ini membuktikan usaha yang dimainkan oleh kerajaan demi untuk melestarikan pendidikan ke arah pendigitalan adalah memberansangkan dan positif.

2.8 Saya lebih yakin proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan kreatif dengan menggunakan bahan digital

Saya lebih yakin proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik dan kreatif dengan menggunakan bahan digital			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	0	0.00%	0.00%
Tidak setuju	0	0.00%	0.00%
Setuju	39	37.14%	37.14%
Sangat setuju	66	62.86%	62.86%
Jumlah	105	100%	100%

Pada rajah seterusnya lebih terarah kepada kepentingan penggunaan media digital dalam pendidikan dimana elemen pendigitalan mampu memberi manfaat kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan jadual di atas dapat dirumuskan bahawa persepsi guru adalah lebih positif iaitu kesemua guru prasekolah berpendapat bahawa penggunaan bahan digital semasa proses pengajaran dapat mewujudkan suasana yang lebih menarik dan kreatif. Ini dapat dilihat apabila kesemua responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu 66 (62.86%) dan 39 (37.14%) bersetuju. Tiada responden yang memberikan maklum balas yang negatif tentang manfaat bahan pengajaran yang berbentuk digital dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan oleh guru prasekolah. Secara umumnya, keyakinan guru-guru prasekolah ini dapat mempengaruhi tahap penggunaan media digital dan teknologi yang sangat memberi manfaat kepada sistem pendidikan di Malaysia.

2.9 Kanak-kanak lebih menunjukkan minat dan fokus yang lebih baik dengan menggunakan media digital dalam proses pengajaran

Kanak-kanak lebih menunjukkan minat dan fokus yang lebih baik dengan menggunakan media digital dalam proses pengajaran			
	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	4	3.81%	3.81%
Tidak setuju	11	10.48%	10.48%
Setuju	77	73.33%	73.33%
Sangat setuju	13	12.30%	12.30%
Jumlah	105	100%	100%

Jadual di atas merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang meliputi aspek minat dan fokus kanak-kanak sepanjang proses pengajaran. Bagi analisa dapatan ini majoriti responden bersetuju dengan kelebihan media digital dalam membantu meningkatkan minat dan fokus kanak-kanak untuk terus memberi perhatian sepanjang proses pengajaran. Responden lebih cenderung untuk bersetuju dengan pernyataan tersebut dimana hampir kesemua iaitu 77 responden yang membawa peratusan yang paling tinggi iaitu 73.33%. Manakala peratusan yang lebih rendah merujuk kepada responden yang tidak bersetuju. Oleh yang demikian, penggunaan media digital dan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran adalah sangat wajar memandangkan guru-guru prasekolah beranggapan penggunaan teknologi akan memberi manfaat kepada kanak-kanak dan guru.

3.0 Penggunaan media digital lebih memudahkan urusan guru

Penggunaan media digital lebih memudahkan urusan guru

	Frequency	Percent	Valid Percent
Sangat tidak setuju	0	0.00%	0.00%
Tidak setuju	29	27.62%	27.62%
Setuju	40	38.09%	38.09%
Sangat setuju	36	34.28%	34.28%
Jumlah	105	100%	100%

Rajah terakhir pada kajian ini merujuk kepada manfaat dan kelebihan penggunaan media digital dalam pendidikan dimana ia dapat memberi manfaat kepada guru-guru prasekolah bukan semata-mata dalam tugas hakiki mereka untuk mengajar malah memudahkan dalam tugas-tugas yang lain seperti pengurusan, pentadbiran dan sebagainya. Berdasarkan jadual di atas menunjukkan bahawa peratusan yang agak seimbang malah terdapat segelintir guru-guru prasekolah tidak bersetuju bahawa penggunaan teknologi dapat memudahkan urusan mereka iaitu seramai 29 (27.62%) manakala selebihnya bersetuju dengan manfaat yang mereka perolehi. Perubahan transformasi pendidikan ke arah digital telah mendorong kepada perubahan sikap dan pengalaman mereka dalam menguruskan hal berkaitan pendidikan di sekolah. Namun, masih terdapat yang beranggapan hal ini sedikit sebanyak membebankan mereka terutamanya bagi golongan yang tidak mahir menggunakannya.

5.0 Rumusan dan perbincangan

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan guru prasekolah di kuantan sudah menjadi suatu perkara yang biasa pada masa kini malah kanak-kanak juga dilihat pada masa ini lebih tertarik kepada transformasi pendigitalan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai faktor yang mungkin mempengaruhi guru-guru prasekolah dalam proses pengajaran mereka, namun yang pasti penggunaan teknologi dalam kalangan guru mampu mempengaruhi perkembangan murid-murid sama ada dari sudut yang positif mahupun negatif. Ini disokong oleh beberapa kajian yang menunjukkan pengaruh penggunaan teknologi sebenarnya mampu mempengaruhi perkembangan menyeluruh kanak-kanak (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al, 2022). Dapatan kajian yang telah dianalisis jelas memperlihatkan aspek komunikasi dan interaksi merupakan antara komponen yang sangat mempengaruhi kanak-kanak. Seperti yang disokong oleh Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir & Rahim Kamarul Zaman, (2020) penggunaan peranti elektronik terutamanya akan memberi kesan yang negatif kepada kanak-kanak jika tidak sesuai dengan kaedahnya malah mereka akan menjadi lebih pasif dan kurang berinteraksi dengan persekitaran termasuk ibu bapa apabila di rumah.

Baik dan buruk pengaruh teknologi bergantung kepada bagaimana teknologi itu diterapkan dalam amalan pengajaran, menurut responden kajian yang terdiri daripada guru-guru prasekolah, mereka bersetuju dimana pendigitalan dalam pendidikan mampu memberi impak yang positif kepada proses pembelajaran kanak-kanak. Dapatan kajian ini disokong oleh Siti Syafawati dan Nurul Farhana (2020) yang telah menjalankan kajian untuk menguji kesan penggunaan aplikasi mudah alih dalam kalangan kanak-kanak prasekolah turut membuktikan bahawa pengajaran yang menggunakan teknologi memberikan kesan yang positif dalam

penguasaan dan pemahanan kanak-kanak. Disamping itu, aplikasi teknologi dalam pendidikan bukan sahaja memberi manfaat kepada kanak-kanak normal malah telah digunakan sebagai bahan bantu mengajar bagi kanak-kanak yang menghadapi masalah pembelajaran khususnya disleksia. Kajian yang telah dilakukan turut mendapati bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan telah menunjukkan kesan yang positif dari aspek penguasaan literasi dan numerasi mereka (Norazly Nordin dan Juppri Bacotang, 2021).

Rujukan

Aminamul Saidah Mad Nordin , Bity Salwana Alias & Zamri Mahamod (2023) Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM) ISSN (Online): 2976-2634 Volume:1 Issue: 1 66 Penerbit: Icbe Publication (Ns0237611-W) Pendigitalan Pendidikan

Charles, M. L., & Ying L. L. (2020). Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. National Research Innovation Conference (NRICon 2020), Sarawak, Malaysia.

Christina Andin dan Rosmiza M.Z (2023) Jurnal Pemikir Pendidikan 11: 61-72 Pengajaran KBAT Merentas Kurikulum: Cabaran Guru dalam Pelaksanaan

Fatin Imanina Abd. Rahman dan Anuar Ahmad (2024) Cabaran Guru Menggunakan Bahan Elektronik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), Volume 9, Issue 2,

Mohd Khairulnizam Ramlie dan Ashraf bin Abdul Rahaman (2023) Inovasi Kaedah Pembelajaran: Perkembangan Penggunaan Teknologi Dalam Institusi Pendidikan Ideology Journal, Vol. 8, No. 1, pp. 94-103 DOI: <https://doi.org/10.24191/idealogy.v8i1.407> Section: Original Article 94

Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi (2023) Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia *Jurnal Perspektif (2023) Jil. 15 Special Issue (24-37) ISSN 1985-496X /eISSN 2462-2435*

Norazly Nordin dan Juppri Bacotang (2021) Isu Dan Trend Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak Issues and Trends the Usage of Information and Communication Technology in Early Childhood Education Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan, Vol.10 (1), (99-107) (ISSN 2289-3032 / eISSN 2550-178X)

Nur Aisyah Kamaluddin dan Hazrati Husnin (2022) J Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) Dalam Pendidikan (The Use of Information and Communication (ICT) in Education) Jurnal Dunia Pendidikan e-ISSN: 2682-826X | Vol. 4, No. 2, 333-343,

Nurul Azwani Mohd Idriki & Tan Bee Piang (2022) Aplikasi Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Talian Cabaran Guru Pendidikan Moral 21st Century Online Learning Applications: The Challenge of Moral Education Teachers 2 MJSSH Online: Volume 6- Issue 1 (January, 2022), Pages 16 – 55

Nur Faizahton Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari, & Wong Seng Yue (2023) Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia Isu Dalam Pendidikan, 46, 44

Nur Hafizah M Razali & Amir Hamzah Ya'akub. (2022). Penggunaan Budi Piamen dalam Meningkatkan Penguasaan Imbuhan Awalan Men- dalam kalangan Murid Tahun 4 Arif. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1, 499-515.

Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas. Asian People Journal, 4(1), 93-107.

Shamilatul Sufia binti Abdullah dan A'dawiyah binti Ismail (2022) Kebimbangan Dan Peranan Ibu Dalam Menjaga Akidah Dan Akhlak Anak-Anak Dalam Era Digital Jurnal Pengajian Islam ISSN: 1823 7126 E-ISSN: 0127-8002, Vol. 15, No. I, Halaman 195-207

Shahirah binti Rafee dan Nurhikmah binti Mubarak Ali (2022) Ketagihan Gajet Di Kalangan Pelajar Sebuah Sekolah Di Pulau Pinang: Kajian Kes Menggunakan Intervensi *Tazkiyah An Nafs* Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective Volume 1, No. 1, e-ISSN: 2948-4774

Siti Faiqah Mohd Salleh & Mohd Asri Harun. (2022). Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21 dalam kalangan Guru Pelatih bahasa Melayu Di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Jilid 1, 526-535.

Siti Soraya Lin Abdullah Kamal, Abdul Halim Masnan & Nor Hashimah Hashim (2022) Parental Involvement in Young Children's Education in Malaysia: A Systematic Literature Review International Journal of Learning, Teaching and Educational Research Vol. 21, No. 3, pp. 319-341,

Siti Syafawati Iliyas, & Nurul Farhana Jumaat. (2020). Pembelajaran menerusi aplikasi mudah alih dan kesannya terhadap pembelajaran huruf hijaiyah murid pra sekolah. Innovative Teaching and Learning Journal, 3(2), 30-41.

Siti Hajar Halili dan Suguneswary 2016 Journalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik April 2016, Bil. 4, Isu 2 [31] Penerimaan Guru Terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Berasaskan Model Tam Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Bahasa Tamil

Sugunah Supermane (2020) Kepemimpinan Transformasi Di Institut Pendidikan Guru Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III, (ISSN 2636-9885) 62

Wong, L. S. C & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2021). Hubungan antara tahap kebolehan pengajaran dengan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu dalam mengaplikasikan pedagogi responsif budaya. Jurnal Dunia Pendidikan, 3(2), 468-483.